

DPN 2020-2030 nafas baharu sektor pelancongan

Umum mengetahui industri pelancongan antara industri sangat terkesan akibat pandemik COVID-19.

Penutupan sempadan negara dan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengawal penularan wabak memberikan kesan hebat kepada penggiat industri. Jumlah kerugian industri pelancongan negara pada 2020 dianggarkan melebihi RM100 bilion. Panel Pakar Pertubuhan Pelancongan Dunia (UNWTO) meramalkan pelancongan global akan mengambil masa untuk

pulih dalam masa dua hingga empat tahun.

Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) juga menganggarkan sektor itu akan pulih dalam tempoh empat tahun akan datang.

Melihat perkembangan ini, Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030 di-

lancarkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, dianggap satu hala tuju yang dinamik dan strategik dalam memulihkan semula industri pelancongan di Malaysia.

Dasar dilancarkan itu satu langkah tepat bagi menggerakkan semula industri pelancongan negara serta meningkatkan kebolehpasaran destinasi pelancongan dan kebudayaan di serata dunia.

Pendekatan utama diketengahkan kerajaan amat bersesuaian dengan memberi perhatian khusus kepada penguatkuasaan daya saing, pembangunan sektor pelancongan secara lestari dan inklusif, serta kesediaan menghargai bencana pada masa akan datang.

Enam teras strategik utama didasarkan kementerian adalah transformasi tadbir urus, mewujudkan zon pelaburan pelancongan yang inklusif, mempergiatkan digitalisasi pelancongan, memperkayakan pengalaman dan kepuasan pelancong, memperkukuhkan komitmen terhadap pelancongan lestari

dan meningkatkan kapasiti modal insan dalam semua subsektor pelancongan.

Strategi terbaru itu menunjukkan kepekaan kerajaan kepada nasib penggiat industri, majikan serta pekerja yang terkesan seterusnya memberi nafas baharu dan harapan dalam mendepani keadaan yang mencabar.

Kerajaan juga amat peka mengimbangi kepentingan pembangunan, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, budaya serta warisan berteraskan pembangunan produk pelancongan yang mampan.

Dasar diperkenalkan itu bertepatan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB), iaitu menguatkan cara pengamalan dan menggiatkan kerjasama antarabangsa demi pembangunan mampan.

Sebagai penyumbang penting dalam pertumbuhan ekonomi negara, diharapkan itu dapat meningkatkan pendapatan pelancongan serta memberi kesan positif secara langsung dan tidak

langsung kepada rakyat.

Industri perlu menggunakan masa dan peluang yang ada untuk meningkatkan kualiti dan mutu penyampaian, mengoptimalkan teknologi, serta membudayakan norma baharu dalam pelancongan.

Penggunaan teknologi digital juga penting bagi memastikan dasar itu dicapai dan dirasai pada setiap peringkat.

Diharapkan strategi itu mendapat sokongan padu, terutama penggiat industri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta.

Kerjasama dan integrasi daripada setiap pemegang taruh amat penting bagi memastikan kelangsungan industri pelancongan negara serta menjadikan Malaysia kembali sebagai destinasi pelancongan terpilih pada peringkat global.

Penulis adalah Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka



Akmal Adanan

Perkemas skop kerja dari rumah jamin impak positif

Kaji selidik berkaitan impak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ke atas budaya kerja kakitangan pengurusan dan profesional (bukan akademik) di 20 Universiti Awam (UA) Malaysia mendapati 79.46 peratus responden bersetuju mampu menyesuaikan diri dengan bekerja di rumah tanpa pengawasan.

Meskipun kaji selidik Majlis Pentadbir Universiti Awam Malaysia (MASTI) pada April lalu itu mendapati 64.87 peratus responden mengakui bekerja dari rumah perkara baharu kepada mereka, sebahagian besar bersetuju memperoleh manfaat daripada pelaksanaannya. Seramai 36.63 peratus responden sangat bersetuju dan 31.35 peratus lagi bersetuju bahawa pandemik COVID-19 memberi kesan besar positif kepada kehidupan secara keseluruhan, terutama dalam memberi ilmu baharu kepada mereka.

Bagi memastikan konsep itu dapat dilaksanakan dengan jaya, beberapa mekanisme boleh dijadikan pengukur keberkesanan hasil kerja kakitangan.

Pertama, penetapan petunjuk prestasi utama (KPI) yang jelas dan perlu dipersetujui bersama antara ketua jabatan dengan kakitangan bekerja dari rumah.

Kedua, pemilihan aplikasi atau alatan bersesuaian bagi tujuan pemantauan dan pengukuran, amat penting dalam memastikan keberkesanan serta penghasilan impak bekerja dari rumah.

Definisi bekerja dari rumah membataskan perjumpaan secara fizikal sesa-

ma kakitangan. Ketua jabatan juga pastinya menghadapi kesukaran memastikan semangat kekitaan harmoni antara kakitangan masih wujud.

Suasana pekerjaan yang baik, meskipun di alam maya penting kerana akan menghasilkan semangat positif dalam kalangan kakitangan, sekali gus meningkatkan impak kerja yang baik.

Antara inisiatif boleh dilakukan ialah perjumpaan dalam talian ketua jabatan bersama kakitangan menerusi pengurusan program atau pertemuan santai secara berkala. Sesi libat urus sebegini perlu kerap dianjurkan.

Kaedah pemantauan dan pengukuran impak kerja amat bertepatan Model Pemberdayaan Sumber Daya Insan Melalui Pembelajaran Berterusan (PSDIM-PB) diperkenalkan pejabat Pendaftaran Universiti Malaysia Terengganu (UMT) kepada keseluruhan kakitangan.

Inti pati pemberdayaan sumber daya insan adalah keupayaan melakukan perubahan bagi meningkatkan ilmu, ke-

mahiran, ketrampilan dan integriti demi manfaat dan kejayaan diri serta organisasi.

Pembelajaran berterusan pula bertujuan menggalakkan pembangunan diri, penguasaan pengetahuan, pembudayaan kreativiti dan amalan inovasi bersesuaian dengan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005).

PSDIMPB mengambil kira konsep 'Qawiyul Amin' iaitu kekuatan fizikal dan intelektual bagi tujuan pembangunan diri, 'Itqan' (komitmen) dan 'Islah' (penambahbaikan) berterusan dari aspek penghasilan kerja, peningkatan prestasi, pembudayaan inovasi, 'Quwwah' (kebolehan) kepemimpinan sebagai perediaan peralihan kepemimpinan organisasi dan 'Iqra' iaitu pembangunan organisasi berteraskan pengetahuan.

Dengan pelaksanaan kaedah pemantauan dan pengukuran impak bekerja dari rumah secara efektif, tentunya ia

akan menghasilkan sejumlah bakat dalam kalangan kakitangan, sama ada cemerlang dari segi kecekapan mentadbir urus universiti menerusi sistem pengurusan dan pentadbiran secara dalam talian, meningkatkan minda menyelidik penuh inovasi dan kreativiti.

Ini tentunya mengubah pembangunan modul kompetensi mengikut kefungsi skim dan secara tidak langsung membantu pengurusan penajalan penajajaran organisasi secara lebih berkesan.

Meskipun masih ada segelintir belum dapat sesuaikan diri dengan konsep bekerja dari rumah disebabkan pelbagai alasan antaranya tempat kerja tidak kondusif, skim atau fungsi kerja tidak bersesuaian dijalankan secara dalam talian atau ketiadaan peralatan lengkap, perubahan perlu dilakukan demi memastikan skop kerja kakitangan masih lagi relevan dengan keadaan semasa mengikut visi serta misi organisasi.

Stephen R Covey dalam bukunya, *The 7 Habits of Highly Effective People: Powerful Lessons in Personal Change* pernah menyebut: *To change ourselves effectively, we first had to change our perceptions.*

Sama ada kita bekerja dari rumah atau di pejabat, sebarang kaedah pemantauan dan langkah pengukuran kerja tidak akan berjaya jika tiada sebarang perubahan dibuat dalam diri.

Pembudayaan elemen integriti seharusnya diterapkan dalam diri dengan keyakinan bahawa kerja dipegang itu adalah amanah besar serta ladang pahala untuk kita tuai hasilnya kelak.



Norul Aina Amirah Ab Rahman



Penulis adalah Pegawai Media Majlis Pentadbir Universiti Awam Malaysia (MASTI)